

18/05/2000

Johor usaha lahirkan belia tahan lasak

JOHOR BAHRU, Rabu - Kerajaan Johor akan memperhebatkan usaha terutama menerusi persatuan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi mewujudkan generasi belia yang tahan lasak, sekali gus sanggup menerima perubahan.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Guna Tenaga, Kebudayaan, Belia dan Sukan negeri, Ahmad Zahri Jamil berkata, belia tidak harus statik dan perlu berubah mengikut peredaran zaman.

"Elemen perubahan bukan bermaksud mengikut sesuka hati tetapi hendaklah mengambil intipati yang progresif, berwawasan dan boleh mewujudkan generasi seimbang kepada pembangunan negara di masa depan.

"Oleh itu, golongan belia abad ke-21 harus mempunyai ketahanan mental dan fizikal yang lasak kerana pelbagai cabaran terutama berkaitan Teknologi Maklumat (IT).

"Belia iaitu kumpulan terbesar di negara ini termasuk Johor harus mengambil peluang sama ada di bidang ekonomi, kebudayaan, perniagaan, sukan mahu pun politik," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan laman web mengenai Ekspo Kecemerlangan Belia 2000 anjuran bersama Pejabat Belia dan Sukan Daerah Johor Bahru, Persatuan Penjelajahan Khas dan Majlis Belia Daerah di Plaza Angsana, Tampoi di sini, petang semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua belia di negara ini mempunyai idealisme bagi membolehkan perubahan dilakukan terhadap masyarakat pada masa depan, sekali gus mengelak mereka berada di takuk lama.

(END)